



# Wadah Bahasa dan Sastera

RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

Berminat untuk menulis, sila hubungi **Editor WBS** di talian **082-227000**, atau e-melkan kepada **idzam@dbp.gov.my** dan **penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

**Catatan:** Cerpen ini disiarkan seperti yang diterima daripada penulis tanpa disunting dan diubah suai. Ulasan atau bimbingan untuk cerpen ini akan disiarkan pada 3 Februari 2021.

BENJAMIN ANAK ASIN

**H**ATI Dhika kini dibelenggu rindu. Mengenangkan kisah pahit manis semasa masih di alam sekolah menengah. Tersenyum sendiri sambil mendongakkan kepalaanya pada meja belajar. Gambar gambar kenangannya bersama guru tingkatan dan rakan kesayangan amat menggantit memori terpampang pada papan notis biliknya. Begitu indahnya zaman memakai pakaian seragam sekolah dengan cekak yang menjadi trend masa lalu. Jendela yang terbuka luas mendaikan hatikan melalui angin ringan. Namun, perasaan marah terhadap ibunya masih terangkum di hatinya ketika ini.

Kenangannya di dalam kelas juga sangat melucukan dan penuh dengan gelak tawa. Di sebalik kegirangan dalam kelas itu, wujud seorang manusia kaum Adam yang selalu meminggirkir dirinya dari pada bertemu Dhika. Namanya Aaron, sama kampung dengan Dhika. Selalu duduk keseorangan di bahagian belakang kelas bersama kumpulan gitarnya.

Aaron sentiasa mengelak jika terdapat aktiviti berkumpulan di dalam kelas. Ada-ada sahaja alasan yang diberikan kepada cikgu sekiranya sama kumpulan dengan Dhika.

"Cikgu, saya mahu memilih ahli kumpulan saya sendiri? Saya tidak mahu orang tertentu dalam kumpulan saya sebab saya tidak mahu ada orang berlagak pandai dalam kumpulan saya. Bolehkah cikgu?" alasan pertama Aaron ingin membuktakan cikgunya.

"Cikgu, saya hendak balik. Sakit perut. Nanti saya minta sijil sakit." alasan kedua apabila sama kumpulan dengan pelajar kelasnya yang tidak disukai. Alasan sebegitu menyebabkan kebanyakkan pelajar di dalam kelas 3 Amanah itu

amat tidak menyukai sikap Aaron. Hanya rakan sekepalahan sahaja yang mengetahui sikap sebenar Aaron. Mungkin rupa fizikalnya yang gemuk? Mungkin rambutnya yang ala Korea? Mungkin dia memang sompong? Semua kemungkinan itu bermain ligat pada fikiran Dhika apabila Aaron selalu mengelak bertemu dengannya.

Pernah sekali Aaron ham-pir melanggarnya di hadapan pintu kelas. Pelanggaran itu menyebabkan Dhika hampir terjatuh melanggar meja. Tetapi, Aaron langsung tidak meminta maaf kepadanya. Aaron langsung tidak ambil peduli akan perkara itu.

"Bukan hal aku, bukan hal aku," lirik Aaron sambil menyanyi lagu Kaka dengan Sleeq. Dhika hendak mengamuk? Ternyata salah andaianya.

Sampai hati Aaron berlaku sedemikian kepadanya. Dhika menangis penuh runtun. Rasa sakitnya badannya terkesan tetapi hanya sekejap walaupun dibawa ke Unit Kecemasan hospital. Ketabahan dan kecekalan-nya amat disanjungi.

Tetapi, Dhika sanggup melupakan semua itu kerana ketika itu masih di zaman persekolahan. Hati Dhika menyumpah seranah tetapi tidak diluaran melalui mulut.

Detik-detik pahit itu boleh dilupakan apabila disulami dengan memori indah bersama rakan-rakan karib Dhika. Namun, hati Dhika berputik pada Aaron bermula semenjak tragedi tersebut. Tidak pasti apa keistimewaan Aaron pada matanya?

Dhika tidak keseorangan. Dhika memiliki dua orang rakan akrab, iaitu Fell dan Lisberth. Dua rakan karibnya selalu di saat suka dan duka. Hobi mereka suka menyanyi semasa di asrama. Setiap petang, mereka akan berlatih sehingga sakit



anak tekak. Hendak mencari not nyanyian terbaik bukanlah mudah. Layanan nyanyian lagu bersama fon telinga amat mengasyikkan sehingga terlupa waktu makan petang semasa di asrama.

Korus lagu Sumpah yang nyanyian Naim Daniel sering dilakukan untuk menghiburkan hati mereka. Sungguh merdu nyanyian mereka. Tetapi, ramai pula pelajar lain iri hati kerana nyanyian mereka membingkitkan telinga mereka.

Terus Dhika yang bersifat baran menyumpah sesiapa yang tidak menyukai hobi mereka. Mulutnya akan mengeluarkan perkataan yang tidak diingini dan tidak sanggup didengari oleh pelajar lain. Perkataan yang menyakitkan hati dan amat mengejikan seseorang. Itulah kekurangan Dhika walaupun nampak sempurna pada mata cikgu di sekolah tersebut. Hanya rakan karibnya sahaja yang mengetahui sikap sebenar kawannya yang suka menyumpah itu. Walaupun begitu, Dhika lebih menjaga adab sopannya apabila berada di sekolah.

Pintu bilik Dhika diketuk. Suara emaknya memanggil dari arah luar biliknya. "Dhika, mari keluar makan bersama mak," pujuk ibunya. Ibunya tahu Dhika masih memarahi dirinya. Sikap anaknya yang panas

baran dan mudah menyumpah yang dihadapi oleh Dhika itu bukanlah perkara biasa. Ia bermula ketika Dhika masih kecil lagi ketika arwah suaminya masih hidup. Dhika sering dimarahi dan disumpah ketika berusia enam tahun apabila suaminya tidak mendapat duit untuk membeli perosak hidup manusia, iaitu dadah. Kadang-kadang disumpah bagi nak rak sehingga Dhika hampir melarikan diri kerana tidak tahan akan dugaan tersebut. Perasaan dendam dan sakit hati terhadap bapanya masih tersimpan di hati Dhika walaupun ayahnya menyahut seruah Ilahi. Emaknya sering membantu Dhika dengan memenuhi segala keinginannya walaupun hidup mereka sebenarnya dilanda kemiskinan. "Latifah, kau jagalah anak kita, Dhika baik-baik. Mudah-mudahan dia berjaya suatu hari kelak." Begitulah kata-kata amanat daripada suaminya. Kata-kata itu masih terngiang-ngiang di telinganya menunjangi hatinya walaupun dia tahu akan perangai suaminya.

Akhirnya, Dhika tewas dengan pujukan emaknya. Dia tahu emaknya sering memperkotakan janjinya terhadap ibunya. Menyanyi juga membantunya untuk melupakan semua kisah silam lamanya dan menghilangkan tekanan-

nya. Dhika tahu emaknya adalah ibu dan ayah kepada dirinya. Dhika tahu kehidupan mereka amat sukar berbanding rakan-rakan di sekolahnya.

"Mak, saya nak minta maaf kerana terkasar bahasa tadi. Maafkan Dhika, mak," ucap Dhika dengan penuh perasaan. "Ya, Dhika. Mak maafkan. Tapi janji jangan buat lagi," kata ibunya walaupun hatinya masih belum sejuk. Senyuman ibunya membuatkan Dhika senang hati.

"Baiklah, saya akan ikut kata-kata mak," begitu janji Dhika terhadap emaknya. Ibunya mengangguk kepala-nya menandakan setuju.

Dhika tahu segala perbelanjaan yang dihadapi oleh mereka membuatkannya amat menyeka diri dan seluruh perasaannya. Perbelanjaan hariannya adalah hasil jualan kuih-muih emaknya yang dihantar ke kedai Pak Amit setiap pagi. Harta peninggalan bapanya tidaklah seberapa tetapi cukup menampung kehidupan mereka untuk kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Emak, saya ada perkara nak beritahu ini. Harap mak setuju," kata Dhika dengan lemah lembut.

"Apa dia? Wahai intan payungku," jawab emaknya.

"Saya ada pertemuan semula bersama rakan-rakan sekelas tingkatan lima di Pu-

sat Peranginan Indah Maju. Saya nak pinjam duit, RM50 untuk bayar segala kos ke sana," berat hati Dhika apabila menyebut mengenai duit. Dhika sudah berjanji untuk membayar kepada rakananya, Fell sebaik tiba di sana.

Emaknya membentulkan kedudukannya di atas lantai beralaskan tikar mengkuang. Suasana makan tengahari bersama emaknya di dapur itu menjadi diam sejenak. Emaknya bagaikan berfikir dua tiga kali tetapi dia harus memenuhi keinginan Dhika.

Emaknya mengeluarkan not RM50 dari dompetnya yang diletakkan di atas almari pinggan. Baru sebentar tadi mendapat upah menjual kuih-muih. Tangannya menghulur dan meletakkannya di bawah pinggan anaknya. Dalam keadaan getir begini, hanya anak tunggalnya itu sahaja yang boleh diharap. Dhika sahaja yang dapat membantunya semasa ketidaa suaminya.

Dalam melayari kehidupan sehari-hari ini, susah untuk mengharapkan bantuan jiran-jirannya.

Sebaliknya, jiran-jiran menuduh dengan pelbagai tuduhan berkenaan kesusahan hidupnya yang menjerut kehidupannya masa kini!

SAMBUNG HALAMAN 22